

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 3 NOVEMBER 2022
AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 26

Petronas umum laluan ke arah sifar bersih

Petronas umum laluan ke arah sifar bersih

Kuala Lumpur: Petroliam Nasional Bhd (Petronas) telah mengumumkan laluan Pelepasan Karbon Sifar Bersih menjelang 2050 (NZCE 2050) untuk mempercepatkan tindakan dan komitmen seluruh kumpulan ke arah mencapai cita-cita masa depan dengan sifar bersih.

Laluan itu, dengan sasaran jangka pendek, sederhana serta panjang, akan mengemudi dan menyediakan trajektori bagi kumpulan termasuk pihak berkepentingannya untuk maju ke arah aspirasi NZCE 2050 yang bercita-cita tinggi yang diumumkan pada awal November 2020.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Kumpulan Daruk Tengku Muhammad Taufik berkata, syarikat itu kekal komited bagi menyediakan tenaga yang diperlukan kepada dunia, di samping memastikan ia memenuhi matlamat iklim Perjanjian Paris.

"Laluan ini akan menyaksikan kami menangani pelepasan daripada portfolio tenaga bersepadu kumpulan pada kadar yang pantas untuk memastikan pelanggan kami mempunyai penyelesaian tenaga yang lebih selamat, boleh dipercayai, optimumkan kos dan pengurangan pencemaran. "Ketika kami menuju ke arah NZCE 2050, keutamaan Petronas adalah untuk terus melangkah bersama masyarakat yang kami berkhidmat, selain menangani peralihan tenaga secara adil dan bertanggungjawab," katanya dalam kenyataan semalam.

Syarikat minyak dan gas nasional itu juga berkata dengan sasaran ini, ia memperuntukkan 20 peratus daripada perbelanjaan modal untuk projek penyahkarbonan dan pengembangan kepada penyelesaian tenaga bersih dari 2022 hingga 2026.

Usaha penyahkarbonan Petronas akan ditambah pada empat keutamaan laluan sifar pembakaran dan pelepasan rutin, kecekapan tenaga, elektrifikasi serta tambahan dan penyimpanan karbon bagi mengurangkan pelepasan gas rumah hijau daripada operasinya.